

**TEKS UCAPAN Y.B. JAGDEEP SINGH , KETUA MENTERI PULAU
PINANG BAGI MAJLIS PERASMIAN COMMUNITY FARMING (KEBUN
KITAR) DI PERPUSTAKAAN DIGITAL PULAU PINANG FASA 1 .
14 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)**

YAB Ketua Menteri

YB EXCO

YB Ahli- Ahli Parlimen

YB ADUN

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

Ketua-ketua Jabatan Negeri

Prof. Madya Dr. Mohd Zahuri Bin Khairani

Dekan Fakulti Seni, Komputeran dan Kreatif Industri,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Puan Bharathi a/p Suppiah

Timbalan Pengurus Besar CMI

Encik Hamdan Abdul Majeed

Pengarah Urusan Think City

Rakan- rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda semua yang menghadiri majlis perasmian *Community Farming* di Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 1 ini. Seperti yang kita sedia maklum, pandemik COVID 19 memberi kesan yang amat dalam kepada golongan yang berpendapatan rendah. Pelbagai inisiatif telah di laksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu golongan yang paling terkesan. Justeru, inisiatif Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan projek 'urban farming' ini bukan sahaja mampu menjana pendapatan isi rumah penduduk bandar, bahkan memberi peluang kepada rakyat kebanyakan untuk menikmati sayur-sayuran organik.

'Urban farming' ini popular dengan kaedah tanaman bertingkat (vertical farming) dan akuaponik. Melalui kaedah ini, kita dapat menghasilkan pengeluaran yang sangat produktif dengan hanya memerlukan sumber tanah di kawasan bandar yang tidak terlalu besar. Tambahan, dalam usaha menaik taraf Pulau Pinang sebagai bandar pintar, pihak UPSI juga telah menyediakan sistem *Internet of Things* (IoT) bagi sistem penjagaan dan pemantauan dari jarak jauh dalam usaha menjadikan *community farming* sebagai model pertanian pintar (*smart farming*). Dengan adanya teknologi dan infrastruktur yang stabil serta jaringan internet jalur lebar ia tidak lagi melibatkan penggunaan tulang empat kerat sepenuhnya tetapi dipacu oleh teknologi di hujung jari. Sebagai contoh, penggunaan IoT ini terbukti dapat meningkatkan hasil tanaman secara vertical farming dan fertigasi penanaman cili, padi dan sebagainya. Pendekatan ini selaras dengan tema Penang 2030 B2 iaitu memodenkan dan memperbagaikan pertanian mapan.

Selain itu, melalui *community farming* ini, penggunaan baja kompos daripada mesin kompos *Economical Food Waste Composter* (EFWC) akan digunapakai oleh tanaman batas. Untuk makluman semua, enam puluh peratus hasil daripada *community farming* ini akan diberikan kepada komuniti dari golongan B40. Manakala empat puluh peratus hasil akan

diberi kepada Think City Sdn Bhd untuk dikomersialkan bagi pulangan pelaburan dan akan di peruntukkan di dalam perbelanjaan operasi. Disamping itu juga, sisa makanan daripada kafe Love A Loaf yang berhampiran dan kantin Penang Free School juga dapat dikompos dan dijadikan baja melalui mesin kompos yang sedia ada. Oleh kerana itu, *community farming* ini diberi nama Kebun KitaR iaitu kebun kita (komuniti) dan tambahan R menjadi KitaR atau *cycle*. Secara tidak langsung, ia menjadi sifar bahan buangan atau *zero waste* serta dapat menjimatkan kos pembelian baja. Secara amnya, sisa bahan buangan makanan dijadikan sebagai baja. Ini dipanggil sebagai *circular economy*.

Pemberian enam puluh peratus hasil tanaman ini akan diagihkan kepada komuniti melalui YB ADUN kawasan masing-masing. Penggiliran pengagihan akan dilakukan kepada ADUN-ADUN yang berdekatan. Kebun ini akan diselia penuh oleh seorang pekebun dan staf-staf PDL yang bertugas. Walaubagaimanapun, komuniti ADUN-ADUN sekalian dijemput untuk berbakti dan bersama-sama bercucuk tanam.

Semoga dengan wujudkan projek *community farming* di PDL dapat memberi pendedahan kepada semua golongan bahawa tanaman boleh wujud di kawasan bandar merangkumi teknologi pertanian *Internet of Things* walaupun dalam kawasan yang kecil. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI), pihak Think City Sdn Bhd dan pihak UPSI kerana bersama-sama mewujudkan *community farming* yang bermanfaat kepada semua golongan. Diharapkan *community farming* ini memberi sinar harapan baru kepada semua untuk sama-sama ke arah *Green and Smart Cities*.

Sekian, terima kasih.